

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2016

PM lawat Pertubuhan Kebajikan Baitul Barokah Wal Mahabbah

SEPANG 21 Jun - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa daripada jadual kerja yang padat untuk melawat Kompleks Pertubuhan Kebajikan Baitul Barokah Wal Mahabbah (KPKBBWM) di Jalan Burhan, Kampung Giching Hilir, di sini.

Ketibaan Najib yang berbaju kemeja putih, disambut Pengetua PKBBWM, Norlida Rasidi dan beliau mengambil masa kira-kira 45 minit melawat kompleks berkenaan termasuk pejabat, bakeri, bi-

lik jahit, surau, perpustakaan dan bilik darjah selain beramah mesra dengan penghuni, guru dan sukarelawan di situ.

Pada lawatan itu, Najib mengumumkan Yayasan Pencinta akan menyumbang RM150,000 kepada pertubuhan berkenaan untuk menaik taraf blok sekolah dan asrama.

Bersempena lawatan Perdana Menteri hari ini, sukarelawan IM4U mengadakan gotong royong membersihkan dan mencantikkan asrama dan pekarangan kompleks berkenaan.

UM-22/6/2016
Yayasan Pencinta turut menyumbang baju raya dan duit raya kepada penghuninya.

Sementara itu, Najib memuji usaha pertubuhan tersebut yang menyediakan kelas vokasional melalui khidmat sukarelawan, secara tidak langsung membantu penghuninya menguasai ilmu vokasional dan mempertingkatkan pencapaian akademik.

Baitul Barokah Wal Mahabbah yang bermaksud 'Rumah Yang Berkat dan Berkasih Sayang' ialah sebuah pusat pengajian yang

berkonsepkan kebajikan dan menaungi 73 anak-anak yatim, asnaf zakat dan fakir miskin.

KPKBBWM mula beroperasi pada Mac 2011 bertujuan untuk memberi perlindungan dan pembelaan kepada yang memerlukan agar mendapat kasih sayang dan pendidikan yang sewajarnya dan juga melahirkan generasi pelapis kepemimpinan masyarakat yang bertakwa.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Yayasan Pencinta, Datuk Izudin Ishak. -BERNAMA